

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa Family Takaful Berhad ("Pengendali Takaful / Kami")
Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai i-Care OKU. Anda juga diminta untuk membaca terma-terma dan syarat-syarat amnya.	i-Care OKU
	<Date>

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

i-Care OKU adalah satu pelan perlindungan Takaful bertempoh 1 tahun, yang memberikan perlindungan kepada orang dengan kurang upaya pendengaran, penglihatan atau pertuturan, serta orang dengan kurang upaya fizikal. Terdapat 3 jenis pelan yang tersedia, yang menyediakan manfaat kematian, kematian akibat kemalangan, bayaran balik perubatan akibat kemalangan, elaun hospital harian, penjagaan khas dan perbelanjaan pengebumian.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan?

a) Tabarru'

Pelan ini menggunakan konsep Tabarru' (derma) di mana orang yang dilindungi bersetuju untuk mendermakan atau menyumbangkan sebahagian tertentu dari sumbangan untuk Dana Risiko Peserta (DRP) untuk tujuan saling bantu-membantu dan bantuan kepada orang yang dilindungi, jika diperlukan.

b) Wakalah

Pelan ini juga menggunakan konsep Wakalah (perwakilan), di mana orang yang dilindungi melantik Kami untuk bertindak bagi pihak orang yang dilindungi untuk melabur dan menguruskan Dana Risiko Peserta (DRP). Fi Wakalah ditolak daripada sumbangan bagi setiap sijil Takaful. Orang yang dilindungi juga bersetuju untuk membenarkan Kami untuk mewakili hak-hak, tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan Kami kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang Kami anggap sesuai untuk tujuan mencapai objektif untuk mengurus dan melabur DRP, dengan syarat bahawa, dengan perwakilan sedemikian, Kami akan kekal bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan tersebut terhadap orang yang dilindungi.

c) Dana Risiko Peserta (DRP)

Sumbangan ditolak fi Wakalah akan disalurkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP). Lebihan daripada DRP diperuntukkan untuk peruntukan luar jangkaan dan akan diagihkan mengikut polisi lebihan yang telah diluluskan oleh jawatankuasa Syariah Kami. 50% daripada sebarang lebihan yang diagihkan akan dikongsi di antara orang yang dilindungi yang sijil Takafulnya masih berkuat kuasa dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Manakala baki 50% lagi akan dibayar kepada Kami kerana mengendalikan dan menguruskan DRP, berasaskan kontrak Ju'alah. Ju'alah adalah kontrak upah yang menentukan asas pengagihan perkongsian lebihan.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

No.	Perlindungan/ Manfaat	Huraian Manfaat <Only applicable to plan chosen>
1.	Kematian	Apabila berlaku kematian bagi orang yang dilindungi, manfaat yang akan dibayar adalah jumlah yang dilindungi sebanyak RM<sum covered>, dan lebihan DRP, jika ada. Sijil Takaful ini akan ditamatkan selepas pembayaran manfaat kematian, dan tiada manfaat lain yang akan dibayar selepas itu.
2.	Kematian Akibat Kemalangan	Apabila berlaku kematian akibat kemalangan bagi orang yang dilindungi, tambahan 100% daripada jumlah yang dilindungi akan dibayar, selain daripada manfaat kematian.

No.	Perlindungan/ Manfaat	Huraian Manfaat <Only applicable to plan chosen>
3.	Bayaran Balik Perubatan Akibat Kemalangan	Bagi rawatan pesakit luar atau kemasukan ke hospital sekurang-kurangnya 6 jam berturut-turut bagi orang yang dilindungi kerana kecederaan akibat kemalangan, jumlah pembayaran balik perbelanjaan perubatan sehingga <jumlah manfaat> akan dibayar. Lebih dari satu tuntutan dibenarkan, tertakluk kepada jumlah maksimum <sum covered> setiap tahun sijil.
4.	Elaun Hospital Harian	Sekiranya dimasukkan ke hospital sekurang-kurangnya 6 jam berturut-turut bagi orang yang dilindungi akibat kemalangan atau penyakit, manfaat tunai sebanyak RM<sum covered> akan dibayar secara harian, sehingga maksimum 60 hari setiap tahun sijil. Pelbagai tuntutan dibenarkan, tertakluk kepada maksimum 60 hari setiap tahun sijil.
5.	Penjagaan Khas	Apabila orang yang dilindungi didiagnosis dan dimasukkan ke hospital dengan salah satu penyakit berjangkit, manfaat tunai akan dibayar sekali gus adalah sebanyak RM<sum covered>, tertakluk kepada 1 penyakit bagi setiap tahun sijil. a. Denggi b. COVID-19 c. Sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.
6.	Perbelanjaan Pengebumian	RM 2,000 akan dibayar sekaligus apabila berlaku kematian orang yang dilindungi.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan tahunan yang perlu anda bayar ialah RM <contribution> untuk tempoh perlindungan 1 tahun bagi pelan <1/2/3>.

Sumbangan yang ditunjukkan adalah berdasarkan umur hari jadi berikutnya pada tarikh permulaan sijil Takaful, jantina dan jenis pelan bagi orang yang dilindungi. Kadar sumbangan akan dikaji semula setiap tahun dan ia akan berbeza berdasarkan umur hari jadi berikutnya bagi orang yang dilindungi pada tarikh permulaan sijil Takaful.

Semua sumbangan (jika berkenaan) adalah tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai berkenaan yang ditentukan perlu oleh pihak berkuasa percukaian Malaysia. Adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

5. Apakah fi-fi dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Fi Wakalah akan dibayar kepada Kami bagi tujuan menanggung perbelanjaan pengendalian dan pengurusan pelan ini. Fi Wakalah adalah penolakan 30% dari jumlah sumbangan tahunan. Tiada komisen dikenakan bagi pelan ini.

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan Pendedahan – Untuk membantu Kami membuat keputusan yang tepat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma sijil Takaful anda, anda dikehendaki menyatakan semua maklumat yang relevan, termasuk keadaan perubatan (jika berkenaan) dan umur dengan betul. Sekiranya maklumat yang berkenaan disembunyikan atau didapati tidak tepat, ia berkemungkinan akan menyebabkan pembatalan sijil Takaful ini, tuntutan tidak dibayar, atau terma dan syarat sijil Takaful diubah.
- Anda harus memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu untuk membayar sumbangannya.
- Tempoh Percuma - Anda berhak untuk membatalkan sijil Takaful dengan memberikan arahan bertulis kepada Kami dalam tempoh 15 hari selepas sijil Takaful telah diterima oleh anda. Kami akan mengembalikan sumbangan yang telah diterima. Sijil Takaful ini akan dianggap telah diterima oleh Kami pada tarikh ia dihantar sendiri, atau pada tarikh ia diposkan kepada Kami jika dihantar melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika sijil Takaful ini dihantar secara elektronik.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil Takaful dan Sijil Induk untuk terma-terma dan syarat-

syarat yang lengkap.

7. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

- a) Untuk memastikan manfaat pelan yang berpatutan, pelbagai pengecualian dikenakan ke atas manfaat yang akan dibayar. Sekiranya orang yang dilindungi membunuh diri ketika siuman, semasa tempoh sijil Takaful ini, liabiliti Kami adalah terhad untuk mengembalikan jumlah sumbangan yang telah dibayar. Sekiranya orang yang dilindungi membunuh diri ketika tidak siuman, semasa tempoh sijil Takaful ini, liabiliti Kami adalah jumlah yang dilindungi dan lebihan DRP, jika ada.
- b) Sijil ini tidak akan melindungi kematian akibat kemalangan atau bayar balik perubatan akibat kemalangan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:
 - i. Kematian atau kecederaan diri yang disengajakan, bunuh diri atau cubaan membunuh diri, ketika siuman;
 - ii. Penyertaan di dalam sebarang jenayah atau menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, keganasan atau kekecohan awam;
 - iii. Penyertaan dalam sukan atau aktiviti berbahaya atau mempunyai risiko seperti (tetapi tidak terhad kepada) menunggang kuda, sukan air (kecuali kapal layar dan berenang), memburu, perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), mendaki gunung, meneroka atau kembara gua, dan sukan musim sejuk;
 - iv. Penyertaan dalam sebarang bentuk penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal pada laluan tetap yang dikendalikan oleh sistem penerbangan komersial), atau sukan udara seperti (tetapi tidak terhad kepada) terjunan udara, payung terjun, terjun bungee, luncur udara dan belon;
 - v. Perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), revolusi, serangan oleh negara-negara asing, atau pencerobohan;
 - vi. Penggunaan alkohol, tanpa preskripsi atau penyalahgunaan dadah atau narkotik ;
 - vii. Provokasi fizikal dan ganas oleh orang yang dilindungi, yang membawa kepada tindak balas yang sama dan menyebabkan kematian atau kecederaan;
 - viii. Penyedutan racun, gas atau wasap, yang diambil sama ada secara sukarela atau tidak;
 - ix. Pencemaran radioaktif yang berpunca daripada bahan api, senjata, bahan buangan atau pemrosesan; atau
 - x. Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) atau Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS).
- c) Sijil ini tidak akan melindungi elaun hospital harian yang berlaku disebabkan oleh:
 - i. Kecederaan diri yang disengajakan atau cubaan membunuh diri, ketika siuman;
 - ii. Penyertaan di dalam sebarang jenayah atau menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, keganasan atau kekecohan awam;
 - iii. Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) atau Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS);
 - iv. Kemasukan ke Hospital dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari Tarikh Dikeluarkan bagi sijil Takaful, melainkan jika ia disebabkan kemalangan; atau
 - v. Keadaan sedia ada.
- d) Sijil ini tidak akan melindungi sebarang penyakit berjangkit yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:
 - i. Gejala mana-mana penyakit berjangkit mula kelihatan sebelum atau dalam tempoh enam puluh (60) hari pertama perlindungan berterusan dari Tarikh Dikeluarkan sijil Takaful;
 - ii. Penyakit berjangkit berpunca secara langsung atau tidak langsung dari mana-mana keadaan sedia ada;
 - iii. Sejarah penyalahgunaan dadah, bahan atau alkohol bagi Orang Yang Dilindungi;
 - iv. Perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), revolusi, serangan oleh negara asing, atau pencerobohan; atau
 - v. Kewujudan jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) atau Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS).

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil Takaful dan sijil induk untuk senarai pengecualian-pengecualian yang lengkap.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil Takaful ini?

Sekiranya notis pembatalan bertulis diterima selepas tempoh percuma 15 hari tersebut, anda mungkin layak mendapat lebihan DRP, jika ada, sekiranya anda tidak membuat sebarang tuntutan untuk sijil Takaful ini.

9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada butir-butir peribadi saya?

Adalah penting untuk anda maklumkan kepada Kami segala perubahan kepada butir-butir peribadi anda (termasuk penama) bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda dengan kadar segera. Sila menghantar e-mel ke info@etiqa.com.my, atau hubungi Etiqa Online di 1300-13-8888.

10. Dimanakah boleh saya memperoleh maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lain, atau memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi Etiqa Online dengan menghubungi 1300-13-8888, atau tulis kepada Etiqa Family Takaful Berhad (199301011506), Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur; atau melalui faksimili 03 – 2297 3800; atau menghantar e-mel ke

info@etiqa.com.my; atau dengan menghubungi 03 – 2297 3888, atau kunjungi www.etiqa.com.my. Etiqa Family Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

11. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang boleh didapati?

Sila rujuk kepada laman web Kami di www.etiqa.com.my untuk lain-lain jenis perlindungan serupa yang sedia ada.

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM SIJIL TAKAFUL KELUARGA MERUPAKAN SUATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA JUGA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL ANDA ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat dalam Helaiian Pendedahan Produk ini sah pada [<issue date>](#).